

03/01/2003

Calon kontroversi jejas peluang Umno menang

Wan Ahmad Wan Hassan

KEPUTUSAN Perdana Menteri untuk bersara pada Oktober depan seharusnya menjadi contoh kepada sesetengah pemimpin Umno Kelantan.

Mereka patut secara sukarela menawarkan diri untuk berundur daripada memegang jawatan penting dalam parti demi perpaduan orang Melayu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih berpengaruh dan beliau masih penting kepada Umno dan kerajaan Barisan Nasional.

Bagaimanapun, ada pemimpin tertentu dalam Umno Kelantan yang tidak penting, malah boleh menjejaskan kekuatan parti seharusnya mengosongkan jawatan kepada tokoh yang lebih berwibawa.

Pemimpin lemah dan tidak berwibawa sudah tiba masanya memberi laluan kepada tokoh berpotensi untuk melaksanakan tugas bagi memperkasakan Umno.

Kita perlu membawa semula Umno kepada tahap yang benar-benar gah seperti yang pernah dialami dalam pilihan raya 1978 hingga 1990 sebelum kecundang di tangan Pas dan sekutunya.

Tokoh yang dilihat berwibawa pada masa itu benar-benar mempunyai tempat untuk dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya.

Bagaimanapun, mereka tidak selama-lamanya kelihatan bersih dari segi imej atau moral.

Penampilan mereka kini membosankan, seolah-olah Umno kekeringan tokoh untuk diketengahkan dalam masyarakat yang mempunyai status pengundi kebanyakannya berpelajaran dan cerdik pandai.

Golongan cerdik pandai dan berpelajaran lazimnya tidak mengisytiharkan sokongan terbuka mereka kepada mana-mana parti dan lebih bersikap 'atas pagar'.

Tetapi, mereka seperti hakim yang akan membuat penilaian untuk menentukan tokoh yang layak dipilih mewakili parti yang bertanding dan memang tepat mereka dianggap sebagai penentu menang atau kalah sesuatu parti dalam pilihan raya.

Tokoh kurang kelayakan atau kontroversi dalam masyarakat seperti terbabit dalam jenayah, skandal seks dan penipuan tidak seharusnya di ketengahkan dalam pilihan raya akan datang. Mereka hanya akan merosakkan parti.

Umno mungkin mempunyai peluang lebih baik untuk meraih sokongan rakyat dalam pilihan raya umum akan datang.

Ini kerana musuh utamanya Pas tidak dapat mempertahankan banyak isu yang menjerat BN, malah isu yang laris dijaja dan dipromosikan pada pilihan raya lalu seperti isu mata lebam bekas pemimpin negara ternyata semakin basi. Isu yang ada pada pembangkang kini juga dilihat lapok dan tidak Islamik.

Yang penting dan lebih utama sekarang ialah kesediaan Umno untuk mengenal pasti bakal calon untuk memberi laluan kepada mereka bergerak dari sekarang. Mereka perlu 'mempromosikan' diri sehingga benar-benar mesra dengan rakyat dan tidak mengulangi dasar pilih calon beberapa hari sebelum hari penamaan calon.

Inilah yang dilakukan oleh parti lawan yang sudah memperkenalkan dan menggerakkan tokoh yang bakal bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Umno perlu bertaut kembali selepas mengalami perpecahan akibat pemilihan pucuk pimpinan dalam perhimpunan agung pada 2000.

Pemimpin pada semua peringkat perlu menghulurkan tangan untuk bersalam dengan tokoh yang tewas dalam.

Mereka yang kalah tidak perlu menganggap dipencil atau dipinggirkan, sedangkan mereka mempunyai ramai penyokong yang mesti dihalang daripada menyokong parti lawan.

Sikap sesetengah pemimpin Umno yang memandang hina dan mengetepikan ahli parti yang tewas akan memberi pukulan teruk kepada parti dalam pilihan raya umum akan datang.

Ini kerana mereka mungkin bertindak menyertai parti pembangkang yang mampu menjejaskan peluang BN untuk menang pilihan raya umum itu.

Kita dengar rata-rata ahli parti melaungkan prinsip perpaduan, tetapi pada masa sama mereka melakukan perpecahan. Mereka mengamalkan sistem puak atau kumpulan, sambil mengabaikan ahli parti yang tidak menyokong mereka.

Perbuatan dipanggil masyarakat Kelantan 'cas keting' atau tikam dari belakang tidak dapat dielakkan selagi.

Sekalipun Umno menampilkan calon terbaik, tetapi kem dalam Umno masih bernafas, maka tentu kejadian cas keting akan terus menjadi agenda politik yang akan membawa Umno tersungkur.

Umno perlu membetulkan sikap sesetengah pemimpin penting yang sukar ditemui kerana tinggal di Kuala Lumpur, sedangkan mereka tidak menyandang sebarang jawatan dalam kerajaan di ibu kota atau di luar Kelantan.

Kegiatan Umno di Kelantan, khususnya tidak memberi makna kalau tidak menang dalam pilihan raya. Ini kerana selama itulah Umno tidak dapat membela nasib rakyat.

Banyak sumbangan dan bantuan Umno cuba diputarbelitkan Pas yang kononnya Persekutuan menganaktirikan Kelantan.

Akhirnya, untuk menawan Kelantan pemimpin Umno mesti bersikap rasional dan mesra dengan rakyat serta sedia turun padang.

WAN AHMAD WAN HASSAN,
Kota Bharu, Kelantan.